

26 MAY 2002  
Najib-Pas  
BUKAN UMNO CUBA PERANGKAP FADZIL

KUANTAN, 26 Mei (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Umno tidak mempunyai sebarang helah atau memasang perangkap ketika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor dijemput bersama-sama berucap pada satu forum mengenai Palestin baru-baru ini.

"Soal prestasi atau persembahan, itu terpulang kepada masing-masing, kita tidak dapat elak apabila pemimpin Umno (Dr Mahathir) mendapat sanjungan yang begitu tinggi daripada ucapan beliau dan kandungan (ucapan) beliau mengenai perkara yang disentuh itu membuka hati dan pandangan masyarakat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kuantan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan akhbar rasmi Pas, Harakah, keluaran terbaru bahawa forum itu adalah majlis berpura-pura mengenai perpaduan dan satu helah Umno untuk kepentingan politiknya.

Penulis artikel bertajuk "Adakah kita sebuah negara peniaga-peniaga kecil yang diketuai sekumpulan peniaga-peniaga kecil" yang menggunakan nama singkatan "PKK" itu turut mengkritik Fadzil kerana sanggup berkongsi pentas dengan Dr Mahathir.

Najib, yang juga Naib Presiden Umno, berkata tawaran oleh penganjur kepada Dr Mahathir dan Fadzil untuk sama-sama menyampaikan ucapan pada majlis di Dewan Bahasa dan Pustaka itu adalah adil kepada kedua-dua pemimpin berkenaan.

Ini kerana kerana kedua-keduanya diberikan liputan secara langsung di siaran televisyen dan berpeluang untuk menyampaikan ucapan, katanya.

"Kalau dari segi pujian politik, Pas kurang berjaya itu, itu bukan salah kita, jadi tidaklah sewajarnya kita dituduh memasang perangkap atau mengeksploitasi majlis itu untuk kepentingan politik," kata Najib.

Beliau juga berkata berdasarkan penilaian politik di peringkat negeri dan bahagian serta juga di peringkat akar umbi, Umno Pahang kini berada di landasan yang kukuh untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Najib berkata ramai orang Melayu kini dilihat sudah kembali memberi sokongan kepada Umno.

"Saya yakin Umno Pahang kini berada di atas landasan ke arah kecemerlangan dan kekuatannya lebih jitu, dan pada pilihan raya umum akan datang, kita akan tunjukkan prestasi yang lebih baik lagi," kata Najib.

Yang turut hadir Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

-- BERNAMA

MS MAI